

# Rakyat perlu jati diri usaha martabat bahasa ibunda

Penggunaan dalam urusan rasmi tidak keang kemajuan negara

Oleh Rohaniza Idris, Zanariah Abd Mutalib, Latifah Arifin dan Mahani Ishak  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Rakyat Malaysia perlu mempunyai jati diri dalam memartabatkan bahasa Melayu dan membuktikan bahasa ibunda tidak mengekang kemajuan negara, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sambil mengingatkan bahawa penggunaan bahasa Melayu perlu dilaksanakan di semua jabatan dan agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta di Malaysia, Perdana Menteri berkata, banyak negara sudah mencapai status maju

walaupun mendaulatkan bahasa sendiri.

Beliau mengingatkan, arahan sudah dikeluarkan kepada perkhidmatan awam dan pihak berkaitan lain supaya semua urusan dengan pihak di luar negara, termasuk surat menyurat mesti menggunakan bahasa Melayu.

"Setiap surat yang saya sendiri hantar kepada pemimpin dunia menggunakan bahasa Melayu dengan terjemahan bahasa Inggeris sebagai lampiran. Saya juga sudah memulakan rundingan dua hala dengan menggunakan bahasa Melayu dan tidak ada cacat celanya rundingan itu menggunakan bahasa Melayu.

"Persidangan juga menggunakan bahasa Melayu. Ketika Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Amerika Syarikat (AS) bersama Presiden AS (Joe Biden), saya menggunakan bahasa Melayu. Mesej yang saya sampaikan jelas diterima presiden walaupun saya berbahasa Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Simposium



Ismail Sabri merasmikan Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa ASEAN dan Antarabangsa: Isu dan Cabaran Bahasa Melayu Abad Ke-21 di Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizzuddin Saad/BH)

Pengantarabangsaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa ASEAN dan Antarabangsa: Isu dan Cabaran Bahasa Melayu Abad Ke-21 di Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini semalam.

Simposium berlangsung sehingga Selasa ini adalah usaha penting mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kedua ASEAN dan penggunaan dalam urusan kerajaan di luar negara, selain memberi sokongan ilmiah kepada gagasan dibawa Perdana Menteri untuk memartabatkannya.

Ia dianjurkan Pejabat Perdana Menteri dengan kerjasama DBP serta Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merangkumi tiga sesi ucap terna, 15 sesi kertas kerja mengupas 15 subtema simposium dan dua forum membabitkan hampir 70 sarjana tempatan, ASE-

AN dan antarabangsa.

Ismail Sabri meminta Keluaran Malaysia, terutama penjawat awam memberi komitmen kepada usaha memartabat dan mengantarabangsakan bahasa Melayu yang sudah menjadi dasar kerajaan dan antara bidang keutamaan kerangka Dasar Luar Negeri Malaysia yang dilancarkan 7 Disember 2021, iaitu diplomasi kebudayaan.

Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab mengapa rakyat Malaysia tidak yakin untuk menggunakan bahasa Melayu kerana rakyat banyak negara lain seperti Perancis, Jerman dan Jepun menggunakan bahasa ibunda mereka dan terbukti boleh maju berbanding negara lain.

"Saya harap kita semua jangan malu menggunakan bahasa Melayu dan bahasa ini tidak boleh

dimartabatkan jika kita sendiri tidak yakin," katanya.

Beliau juga berharap skop kerjasama antara negara-negara ASEAN, termasuk dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan pemupukan dapat dirancang dengan lebih rapi supaya bahasa Melayu kembali dijadikan 'lingua franca'.

"Bahasa Melayu memiliki keunikan dan kelebihan tersendiri, khususnya dalam kalangan negara ASEAN dan ia diyakini boleh dijadikan salah satu bahasa rasmi ASEAN," katanya.

Ismail Sabri berkata, di peringkat ASEAN, penyatuan sistem ejaan Rumi dan peristilahan sudah tercapai melalui forum kerjasama seperti Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) dan Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA).